

01/10/2002

Maslan mahu adakan pameran solo di Jepun

Salbiah Ani

PELUKIS dan pengukir serba boleh yang mencipta nama di Brunei Darussalam, Maslan Said, kini berusaha menjadikan impian mengadakan pameran solo di Negara Matahari Terbit sebagai suatu kenyataan.

Maslan yang sudah berada di Jepun sejak 20 September lalu bagi meninjau pasaran untuk lukisan potret teknik semburan yang menjadi kepakarannya berharap dapat menjual koleksi karyanya yang ditinggalkan di Malaysia.

Pengurus Mazlan, Mohd Haza Oma Abu Hassan berkata, potret yang ditinggalkan itu ialah P Ramlee, Marilyn Monroe, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Yusri bersama Erra, berharga daripada RM7,500 hingga RM10,000 setiap satu dengan ukuran 20 inci x 24 inci.

"Mereka yang berminat untuk membeli karya terbabit boleh menghubungi saya di talian 012-6340840 dan saya berani memberi jaminan mengumpul karya Maslan tidak akan menyesal membeli dan menjadikannya sebagai koleksi kerana potret yang dihasilkan sememangnya hidup serta istimewa," katanya dalam pertemuan dengan Sastera dan Budaya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Maslan yang berasal dari Arau, Perlis, menetap di Brunei sejak 1988 dan dikenali sebagai pakar potret teknik semburan sejak 12 tahun lalu selepas menghabiskan masa selama lapan tahun bagi memahirkan diri dengan metodologi berkenaan.

Bakatnya menghasilkan potret secara teknik semburan dikesan oleh seorang pengiran ketika pembukaan Galeri Suria Mas Art miliknya yang terletak di Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan, Brunei Darus Salam.

Maslan pernah diuji melukis potret dengan teknik semburan secara lintas langsung di stesen televisyen Brunei pada 1996 manakala di hadapan Toh Puan Mahani Daim pada 1997 ketika mengadakan Pameran Wajah-Wajah Pemimpin di Hilton Galleria, Hilton Kuala Lumpur.

Mohd Haza Oma berkata, Maslan pernah bekerja sebagai pelukis dengan Sultan Brunei selama tiga tahun tetapi melepaskannya kerana mahu karyanya dinikmati lebih ramai orang berbanding di galeri Sultan Brunei yang dianggap terlalu mewah dan membataskan pengunjung.

"Beliau mahu mencipta nama dalam bidang lukisan potret dengan teknik semburan sebagaimana yang berjaya dilakukan oleh Chef Redzuan Ismail dalam dunia masakan dan melayakkannya untuk dimasukkan ke dalam program Potret Kejayaan," katanya.

Maslan yang pernah menyertai pertandingan lukisan di Hong Kong ketika berusia 12 tahun pernah mengadakan pameran di Brunei, Australia, United Kingdom, Australia, India, Pakistan, Afrika, Indonesia, Singapura.

Sebelum ke Jepun, Maslan mengadakan pameran di Holiday Inn Kuching, Sarawak, dari 9 hingga 22 Februari dan di Equatorial Malacca Hotel (Mac hingga Julai), dan berkesempatan melukis potret Tengku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail Sultan Iskandar dan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.